

19 OCT 2003

Mahathir-Harun

DR MAHATHIR TERHUTANG BUDI KEPADA HARUN IDRIS

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 19 Okt (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau terhutang budi kepada Datuk Seri Harun Idris kerana Allahyarham yang membawa beliau pulang ke Umno selepas disingkirkan daripada parti itu pada tahun 1969.

"Saya akui sumbangan beliau terhadap Umno dan terhadap diri saya. Walaupun kami tak rapat, hakikatnya beliau yang membawa saya pulang (ke Umno)," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai bekas Menteri Besar Selangor itu yang meninggal dunia pada petang tadi.

Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin kerajaan Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (Apec) yang bermula esok.

Perdana Menteri berkata setelah disingkirkan, Harun berusaha membawa beliau pulang ke pangkuan Umno dan datang berjumpa dengannya di Alor Setar untuk tujuan itu.

Harun, 78, meninggal dunia akibat serangan jantung di rumahnya di Langgak Duta, Taman Duta, di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, beliau sedih kerana Harun dipenjara atas kesalahan rasuah pada tahun 1976 dan apabila beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, beliau berusaha membebaskannya.

Pada 1982, Harun diberikan pengampunan diraja selepas menjalani hukuman penjara selama tiga setengah tahun.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata Harun yang kembali aktif dalam Umno selepas pembebasannya, nampak tidak bersetuju dengan beliau dan hubungan antara mereka menjadi renggang.

Ditanya bila kali terakhir beliau berjumpa Allahyarham, Dr Mahathir berkata beliau sudah lama tidak berjumpa dengan Harun.

-- BERNAMA.

AR HK PR